

Malaysia

DESTINASI PELANCONGAN KESIHATAN BERTARAF DUNIA

SECARA LAZIMNYA, TUJUAN SESEORANG MELANCONG ADALAH UNTUK MENIKMATI AKTIVITI PERCUTIAN KE TEMPAT YANG BELUM PERNAH DILAWATI, SAMBIL MENAMBAH ILMU PENGETAHUAN, MEMPELAJARI BUDAYA ASING DAN MELUASKAN PANDANGAN. BAHKAN, AKTIVITI MELANCONG ATAU MENGEMBARA TURUT AMAT DIGALAKKAN DALAM ISLAM.

Dewasa ini, terdapat individu yang melancong untuk tujuan mendapatkan rawatan kesihatan yang dikenali dengan istilah pelancongan kesihatan. Mungkin terdapat rakyat Malaysia yang masih belum mengetahui atau tidak pernah terlibat dengan pelancongan kesihatan secara langsung. Mungkin ada juga yang tidak sedar bahawa kita boleh mendapatkan rawatan kesihatan di luar negara. Dengan pelancongan kesihatan, pilihan lokasi dan jenis rawatan kesihatan tidak hanya terhad kepada penyedia perkhidmatan yang terdapat di Malaysia sahaja.

Pelancongan kesihatan secara amnya didefinisikan sebagai individu yang melancong dari tempat tinggal mereka atas tujuan kesihatan. Industri ini memberikan

lebih banyak pilihan dan peluang kepada individu tersebut untuk mencari penyedia perkhidmatan kesihatan yang lebih berkualiti, berteknologi tinggi atau dengan harga yang lebih murah!

Menurut sejarah, pada awalnya aktiviti pelancongan kesihatan dilakukan oleh golongan atasan. Pada kurun ke-17, golongan kaya di Eropah melakukan perjalanan ke pusat kesihatan yang menyediakan rawatan spa terapeutik dan terapi sebagai gaya hidup bagi meningkatkan kualiti kesihatan dan kesejahteraan mereka. Pada tahun 1980-an dan 1990-an, destinasi bagi pelancong kesihatan tertumpu pada negara maju seperti Amerika Syarikat dan negara Eropah seperti Switzerland, Jerman, Austria, Hungary, United

Kingdom dan Perancis. Faktor utama disebabkan oleh peralatan dan fasiliti yang lebih canggih, teknologi yang terkini di samping perkhidmatan berkualiti yang disediakan. Namun kebelakangan ini, budaya ini telah berubah. Pesakit dari negara maju pula yang melancong ke negara membangun bagi mendapatkan rawatan.

Kedatangan pelancong kesihatan dari negara maju bukan hanya untuk rawatan kosmetik, tetapi meliputi seluruh aspek rawatan dan perkhidmatan kesihatan yang ditawarkan. Keadaan ini didorong oleh beberapa faktor utama seperti kos yang lebih murah dan masa menunggu yang lebih pendek terutama bagi pesakit yang memerlukan pembedahan elektif.

A white airplane model is positioned diagonally across the page, resting on a red stethoscope. The stethoscope's chest piece is at the bottom left, and its earpieces are at the top right. The background is a light blue surface.

Negara-negara Asia yang menjadi destinasi pilihan pelancong kesihatan adalah seperti India, Thailand, Singapura, Malaysia, Filipina dan Korea Selatan. Sebagai contoh, India menjadi pilihan kerana kepakaran pasukan perubatan, teknologi canggih dan tiada masa menunggu (*zero waiting time*), manakala Thailand terkenal kerana kos yang berpatutan dengan kualiti perkhidmatan antara yang terbaik di Asia.

SEKTOR PELANCONGAN KESIHATAN DI MALAYSIA

Globalisasi menjadi pemangkin kepada negara-negara membangun, termasuk Malaysia untuk menawarkan perkhidmatan pelancongan kesihatan. Perkembangan sektor pelancongan kesihatan di Malaysia bermula sejak tahun 1990-an. Terdapat dua kategori utama perkhidmatan pelancongan kesihatan di Malaysia, iaitu pelancongan perubatan dan pelancongan kesejahteraan.

Antara jenis rawatan yang ditawarkan termasuklah pembedahan untuk jantung, mata atau kosmetik, rawatan kanser, rawatan gigi, rawatan kulit, rawatan kesuburan, dialisis, patologi, psikiatri, sakit puan, rehabilitasi dan pelbagai rawatan lain. Perkhidmatan ini disediakan di kebanyakan hospital dan pusat rawatan swasta yang terletak di bandar-bandar besar terutamanya di Kuala Lumpur.

Antara hospital yang menjadi pilihan pelancong kesihatan, termasuklah Institut Jantung Negara, Hospital Pakar KPJ Damansara, Sunway Medical Centre, Petaling Jaya, International Specialist Eye Centre, Kuala Lumpur, Mahkota Medical Centre, Melaka dan Gleneagles Medical Centre, Pulau Pinang. Kos rawatan yang kompetitif dan fasiliti perubatan moden ialah faktor tarikan utama pelancong untuk datang mendapatkan rawatan di Malaysia.

Jika dikaji dengan lebih mendalam, faktor kos boleh dibahagikan kepada dua, iaitu kos kewangan dan kos masa – senarai menunggu yang panjang. Kos kewangan bagi rawatan di Malaysia adalah relatif lebih murah berbanding dengan kos



Kos rawatan yang kompetitif dan fasiliti perubatan moden menjadi tarikan utama pelancong mendapatkan rawatan di Malaysia.

keuangan di negara lain seperti kos di Amerika Syarikat, kos rawatan di Malaysia adalah 68 hingga 80 peratus lebih murah. Selain itu, tukaran mata wang asing dengan ringgit yang mempunyai nilai yang lebih rendah menjadi tarikan dalam kalangan pelancong kesihatan dari negara Barat. Faktor ini telah menarik kehadiran ramai pelancong kesihatan ke Malaysia.

Dalam hal ini, pada tahun 2004 bilangan pelancong kesihatan adalah seramai 174 189 dan selepas 10 tahun, angka ini meningkat lebih lima kali ganda, iaitu lebih 800 ribu pengunjung pada tahun 2014. Pada tahun 2016, lebih sejuta pelancong melawat Malaysia bagi tujuan kesihatan dengan menghasilkan lebih RM1 bilion pendapatan kepada ekonomi negara.

Dari segi kos masa pula, tempoh menunggu yang panjang bagi mendapatkan giliran rawatan di negara asal mendorong pelancong kesihatan untuk mencari alternatif di Malaysia. Hospital swasta yang menerima pelancong kesihatan biasanya menawarkan tempoh menunggu yang minimum sebagai antara faktor tarikan. Selain itu, terdapat faktor-faktor lain yang menjadi tarikan kepada pelancong seperti pakar perubatan terlatih


dan berkemahiran tinggi, fasiliti berteknologi moden, perkhidmatan yang berkualiti, pilihan jenis rawatan yang pelbagai termasuk rawatan holistik dan alternatif serta keadaan negara yang aman dan stabil.

Istimewanya Malaysia sebagai destinasi pelancong kesihatan adalah dengan adanya perkhidmatan pelancong kesihatan patuh syariah. Keunikan ini telah menarik pelancong yang beragama Islam dari seluruh dunia terutamanya dari negara jiran seperti Indonesia, Myanmar, Vietnam, Singapura, Brunei dan negara Timur Tengah untuk mendapatkan rawatan yang dijamin halal serta berlandaskan ajaran Islam. Pada tahun 2014, pihak SIRIM telah memperkenalkan standard MS1900:2014 Sistem Pengurusan Kualiti Berasaskan Syariah yang mana hospital pertama yang diiktiraf sebagai hospital patuh syariah ialah Hospital Pakar An-Nur, Bangi, Selangor.

Sehingga kini, kredibiliti Malaysia sebagai penyedia perkhidmatan pelancong kesihatan telah diiktiraf dunia. Pada tahun 2020, Malaysia merangkul anugerah Health and Medical Tourism: Destination

of the year dalam IMTJ Medical Travel Awards 2020 di London buat kali keempat berturut-turut. Manakala Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia (MHTC), agensi yang ditubuhkan pada tahun 2005 oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang bertanggungjawab membantu dan mempromosikan industri pelancongan kesihatan di Malaysia, turut memenangi anugerah Health and medical tourism: Cluster of the year juga buat kali keempat berturut-turut. Satu pencapaian yang amat membanggakan buat KKM khasnya dan rakyat Malaysia umumnya.

Program Malaysia Healthcare yang diperkenalkan oleh MHTC dengan kerjasama strategik antara kementerian dengan penyedia perkhidmatan pelancongan kesihatan swasta, syarikat penerbangan, agensi pelancongan, hotel dan lain-lain pihak telah membuahkan hasil. Enam strategi utama di bawah program ini ialah perkhidmatan bertaraf antarabangsa, kemudahan komunikasi, akses yang mudah, hab halal global, kos rawatan yang kompetitif dan destinasi pelancongan telah berjaya menarik pelancong untuk mendapatkan rawatan di Malaysia.



Selain fasiliti kesihatan bertaraf dunia, Malaysia turut memiliki lokasi pelancongan yang unik.

Sektor ini terus berkembang pesat dan menjadi antara penyumbang penting kepada ekonomi negara. Namun kemunculan pandemik COVID-19 pada akhir tahun 2019 di China dan dengan pantas merebak ke seluruh dunia telah menjejaskan sektor pelancongan kesihatan negara.

CABARAN DAN HALA TUJU SEKTOR PELANCONGAN KESIHATAN

Pada tahun 2020, penutupan sementara sempadan negara disebabkan oleh pandemik COVID-19 telah memberikan impak yang besar kepada industri pelancongan negara, termasuklah sektor pelancongan kesihatan. Secara positifnya, mungkin para penyedia perkhidmatan pelancongan kesihatan dapat mengambil peluang ini untuk menaik taraf infrastruktur, sistem dan fasiliti sedia ada bagi persediaan menerima semula pelancong selepas pandemik ini berakhir.


Malaysia juga perlu bersedia untuk bekerjasama dengan negara-negara jiran, terutamanya Singapura dan Thailand pascapandemik COVID-19. Kerjasama strategik dan sinergi sedia ada dengan negara-negara jiran di bawah ASEAN Tourism

Strategic Plan 2016-2025 perlu diperkukuh. Lebih-lebih lagi Thailand telah dipilih sebagai penyelarasan pelancongan kesihatan di peringkat ASEAN. Pelan strategik ini menyasarkan ASEAN sebagai destinasi pelancongan berkualiti yang menawarkan pengalaman ASEAN yang unik dan pelbagai kepada para pelancong.

Setiap negara tentunya mempunyai langkah dan pelan strategik dalam mendepani impak COVID-19. Sehubungan itu, MHTC perlu giat menjalankan promosi dengan mengenal pasti sasaran pengguna yang berpotensi dengan pasaran dan bidang kepakaran yang baharu. Kelonggaran mungkin boleh diberi kepada pelancong dengan memudahkan proses kemasukan mereka – Thailand misalnya, memberikan tempoh maksimum lawatan 30 hari tanpa visa, pelancong juga boleh memohon visa sebaik sampai di Thailand.

Sebagai kesimpulannya, Malaysia berpotensi besar sebagai destinasi pilihan pertama bagi perkhidmatan pelancongan kesihatan di rantau Asia. Pelbagai faktor tarikan

dan usaha yang berterusan oleh pihak kerajaan mampu menarik pelancong mendapatkan rawatan di Malaysia. Pihak kerajaan dapat menyetengahkan pelancongan kesihatan patuh syariah sebagai satu bidang kepakaran baharu. Perhatian harus diberikan oleh kerajaan dan semua agensi yang terlibat dalam menyusun strategi dan meletakkan Malaysia pada posisi yang lebih kukuh sebagai hab pelancongan kesihatan di rantau Asia agar sektor ini terus berkembang dan menyumbang secara signifikan kepada ekonomi negara. **DB**



PELANCONGAN PASCAPANDEMIK COVID-19

Potensi Pelancongan Kesihatan Negara



Tahun 2020 meninggalkan kesan yang cukup hebat bagi negara, terutamanya terhadap industri pelancongan negara.

Jika sebelum pandemik COVID-19, industri pelancongan negara berkembang pesat dengan sentiasa dibanjiri oleh pelancong, sama ada dari dalam mahu pun luar negara. Namun begitu, gara-gara pandemik yang melanda dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh kerajaan, banyak pemilik pusat pelancongan terpaksa gulung tikar akibat menanggung kerugian.

Industri pelancongan negara kembali bernafas apabila kerajaan mula melonggarkan PKP kepada Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) pada 10 Jun 2020 yang membolehkan sektor ekonomi dibuka sepenuhnya, selain pelbagai kelonggaran pergerakan kepada masyarakat. Kelonggaran tersebut sedikit sebanyak mampu merencanakan kembali sektor pelancongan negara termasuklah pelancongan kesihatan di negara kita yang merupakan pengisian utama program Tahun Melawat Malaysia 2020.

Pelancongan kesihatan mula menjadi antara industri yang berpotensi bagi negara-negara membangun di dunia, termasuklah Malaysia. Jika dahulu masyarakat dunia lebih memilih negara maju untuk mendapatkan rawatan kesihatan kerana kualitinya, namun kini masyarakat beralih kepada negara-negara membangun untuk mendapatkan rawatan. Hal ini disebabkan oleh pelancong kesihatan kini lebih bijak memilih kualiti rawatan terbaik pada harga yang lebih berpatutan.

Secara umumnya, pelancongan kesihatan bertujuan untuk menarik pelancong berkunjung ke Malaysia atas sebab perawatan dan

perubatan, di samping melancong. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mendefinisikan semua aktiviti gabungan penjagaan kesihatan dengan pelancongan yang dapat menjana kekayaan ekonomi tempatan dikategorikan sebagai pelancongan kesihatan. Menurut Mohamad Zaki Ahmad, Johan Afendi dan Hood Mohd. Salleh dalam kertas kerja mereka bertajuk Pelancongan Kesihatan sebagai Sumber Pendapatan Negara: Potensi, Impak dan Cabaran, pelancongan kesihatan turut merujuk aspek mencari ketenangan atau meredakan tekanan dengan pergi ke tempat tertentu, seperti sanatorium, resort kesihatan tanah tinggi, kolam air panas semula jadi atau pusat-pusat spa dan jakuzi.

Sejarah pelancongan kesihatan sebenarnya bermula di negara kita pada tahun 1998 lagi sebagai satu strategi bagi menghadapi krisis ekonomi Asia. Kerajaan melihat potensi pelancongan kesihatan dan memasukkannya sebagai satu daripada sumber ekonomi negara dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Melihat kepada potensi sektor ini yang mampu berkembang, KKM telah menubuhkan Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia (MHTC) pada tahun 2005 bagi tujuan promosi dan menjadi agensi secara rasmi pada tahun 2009 dengan slogan "Quality Care For Your Peace Of Mind".

Pada tahun 2020, Malaysia sekali lagi merangkul anugerah utama dalam International Medical Travel Journal (IMTJ), Medical Travel Awards 2020 bagi kategori Health and Medical Tourism: Cluster of the Year dan turut mengungguli anugerah Health and Medical Tourism: Destination of the Year - Highly Commended pada tahun 2019. Terdapat beberapa

faktor yang menyumbang kepada perkembangan dan anugerah pelancongan kesihatan di Malaysia iaitu kualiti rawatan bertaraf dunia, mudah diakses, kemampuan yang kompetitif, komunikasi dan hab halal global.

Pelaksanaan PKP bagi mengekang penularan wabak COVID-19 di negara ini turut memberikan impak kepada pelancongan kesihatan negara. Walaupun bermula pada 1 Julai 2020 kerajaan telah memberikan kelonggaran kedatangan pelancong kesihatan dari luar negara datang ke Malaysia, namun hanya terhad kepada pelancong kesihatan yang mempunyai masalah kesihatan yang serius dan kritikal, seperti penyakit kanser dan jantung. Pada 20 Julai 2020, MHTC telah diberikan kelulusan fasa kedua bagi membenarkan pelancong kesihatan dari enam negara, iaitu Brunei, Singapura, Jepun, Korea Selatan, Australia dan New Zealand untuk memasuki negara. Pesakit tersebut juga harus memiliki surat janji temu daripada hospital yang berdaftar sebagai ahli MHTC.

Bukan itu sahaja, proses perjalanan pelancong kesihatan juga berbeza berbanding dengan sebelum COVID-19 melanda Malaysia. Seperti mana pengembara dari luar negara yang lain, pelancong kesihatan juga perlu menjalani saringan kesihatan dan kuarantin wajib selama 14 hari sebelum mendapatkan rawatan kesihatan di hospital pilihan mereka. Pelancong kesihatan dan ahli keluarga juga tidak dibenarkan pergi ke mana-mana tempat yang lain, kecuali berulang-alik antara tempat penginapan dengan tempat menerima rawatan. Situasi ini berbeza berbanding dengan sebelum adanya COVID-19 apabila para pelancong kesihatan bebas untuk

bercuti dan membeli-belah di seluruh negara semasa tempoh pemulihan rawatan mereka.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif MHTC, Sherene Ali, pihaknya mengambil inisiatif dengan memanfaatkan kemudahan digital seperti e-farmasi dan perkhidmatan tele-rundingan bagi membolehkan kesinambungan rawatan pesakit, terutamanya yang berada di luar negara ataupun yang berada di kawasan PKP Bersyarat atau Diperketatkan. Perkhidmatan ini walau bagaimanapun hanya untuk pesakit sedia ada yang mempunyai rekod kesihatan mereka. Malahan, MHTC juga giat menjalankan promosi perkhidmatan mereka kepada golongan ekspatriat yang masih menentang dalam negara untuk terus menghidupkan pelancongan kesihatan di Malaysia selain menarik para pelancong kesihatan domestik. Bahkan, Malaysia juga mempunyai banyak pusat kesejahteraan dan kesihatan seperti Golden Horses Health Sanctuary di Selangor yang turut dibuka

untuk kegunaan pelancong domestik.

Jika diperhatikan, pelancongan kesihatan di negara kita banyak memberikan fokus terhadap pelancong yang datang dari luar negara. Walaupun begitu, sebenarnya pelancong kesihatan domestik juga banyak menyumbang kepada sektor ini tanpa disedari, terutamanya yang melibatkan perubatan tradisional ataupun alternatif. Sebagai contohnya, bagi mereka yang mempunyai penyakit kulit sensitif atau ekzema, rata-rata cuba mendapatkan rawatan di Dr. Wong Specialist Clinic di Tangkak, Johor. Pesakit Dr. Wong bukan hanya datang dari Johor sahaja, bahkan dari seluruh negeri di Malaysia. Perjalanan mendapatkan rawatan ke klinik tersebut dapatlah dikategorikan sebagai satu pelancongan kesihatan kerana pesakit yang datang dari jauh akan bermalam dan mengambill peluang bercuti di pusat peranginan setempat sebelum bergerak pulang.

Kepelbagaian konsep perubatan tradisional yang berasaskan kaum, seperti Melayu, Cina dan India sebenarnya




mendapat sambutan masyarakat kerana keunikannya. Menurut Mantan Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia, Dr. Lee Bon Chye, 30 peratus daripada masyarakat Malaysia mendapatkan rawatan tradisional sebagai usaha mengubati penyakit mereka. Kebanyakan masyarakat cuba berusaha mendapatkan rawatan tradisional dan alternatif bagi mengubati penyakit mereka, selain daripada mendapatkan rawatan di hospital. Rawatan seperti akupunktur, bekam dan homeopati merupakan antara kaedah rawatan tradisional yang menjadi tumpuan masyarakat tanpa mengira kaum. Masyarakat tempatan sanggup merentas negeri dengan memandu beribu-ribu kilometer dan berhabis wang ringgit demi mendapatkan rawatan daripada pakar pengamal perubatan tradisional yang mereka inginkan.

Pelancongan kesihatan bukan sahaja terhad kepada rawatan penyembuhan, bahkan juga meliputi aspek



Pelancongan kesihatan bukan sahaja terhad kepada rawatan penyembuhan, bahkan juga meliputi aspek kesejahteraan dan kesegaran. Jika sebelum ini rakyat Malaysia memilih untuk berkunjung ke Bali, Indonesia atau Thailand bagi menikmati urutan di spa yang ada di sana, pada masa pandemik yang belum berakhir ini masyarakat bolehlah beralih kepada pilihan pusat spa di pusat peranginan yang ada di negara kita.



kesejahteraan dan kesegaran. Pelancongan ini sangat sinonim dengan masyarakat Malaysia terutamanya golongan wanita. Jika sebelum ini rakyat Malaysia memilih untuk berkunjung ke Bali, Indonesia atau Thailand bagi menikmati urutan di spa yang ada di sana, pada masa pandemik yang belum berakhir ini masyarakat bolehlah beralih kepada pilihan pusat spa di pusat peranginan yang ada di negara kita. Hal ini dikatakan demikian kerana pengusaha penginapan dan pusat peranginan kini berlumba-lumba menawarkan pelbagai kemudahan seperti sauna, jakuzi, urutan tradisional, aromaterapi dan refleksologi untuk kesejahteraan kesihatan pengunjung masing-masing.

Dalam hal ini, konsep percutian spa ini sebenarnya bukanlah hanya untuk golongan mewah semata-mata, tetapi juga sesuai untuk golongan yang ingin memanjakan tubuh kerana kebanyakan pakej rawatan spa yang ditawarkan berpatutan harganya dengan menggabungkan teknik moden dan tradisional.

Pengumuman kebenaran rentas daerah dan negeri kecuali bagi kawasan yang dikenakan PKPD oleh Menteri Kanan Pertahanan,

Dato' Sri Ismail Sabri bermula 7 Disember 2020 yang lalu dilihat membuka ruang dan peluang untuk merencanakan lagi industri pelancongan domestik. Selain percutian spa, pengunjung domestik juga gemar mengunjungi kolam air panas sebagai percutian yang memberikan kelegaan dan kesejahteraan. Antara lokasi penginapan yang mempunyai kolam air panas yang popular di Malaysia adalah seperti Felda Residence Hot Springs Sungai Kelah dan Ulu Legong Hotspring Baling.

Fauziah Che Leh dan rakan-rakan dalam kajian mereka bertajuk "Keberkesanan, Kepelbagaian dan Masa Depan Taman Rekreasi Kolam Air Panas di Negeri Perak Sebagai Destinasi Pelancongan Kesihatan" menyatakan bahawa kawasan rekreasi berkonsepkan kolam air panas semula jadi dipercayai kaya dengan khasiatnya tersendiri khususnya dalam merawat penyakit secara luaran seperti strok, sakit kulit, gout, sakit sendi, imsonia dan lain-lain lagi. Selain mampu memberikan kelegaan dan kesegaran, kosnya yang murah juga menyebabkan pelancong, terutamanya pelancong

domestik, gemar mengunjungi kawasan rekreasi berkonsepkan kolam air panas yang ada di Malaysia.

Secara tuntasnya, kebenaran merentas negeri dan daerah yang diumumkan pada hujung tahun 2020 mampu mengembalikan kerancakan industri pelancongan di negara, termasuklah industri pelancongan kesihatan. Walaupun sektor ini terjejas teruk, namun potensi industri pelancongan kesihatan era pasca-COVID-19 dilihat mampu bersinar kembali apabila barisan hadapan negara berjaya mengekang pengawalan pandemik ini dengan jayanya sehingga mendapat pujian di peringkat antarabangsa.

Pada masa ini, pihak MHTC dan pengusaha pusat peranginan perlu menumpukan perhatian dengan menggiatkan promosi produk pelancongan kesihatan kepada para pelancong domestik. Kerjasama antara semua pihak yang terlibat dalam pelancongan kesihatan negara perlu diperkukuh lagi dalam usaha membantu sektor ini terus berkembang dan memberikan pulangan yang lebih besar terhadap ekonomi negara pada masa hadapan. **DB**